

**ANALISIS LITERATUR MENANGANI ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA DEMI
MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**
**ANALYSIS OF LITERATURE ADDRESSING THE ISSUES OF DOMESTIC VIOLENCE FOR
THE DEVELOPMENT OF A CIVILIZED MALAYSIA**

Hadijah Johari
Kulliyah Kaunseling dan Sains Sosial
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah
Email: hadijah@unishams.edu.my

NorAzlina Zakaria
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah
Email: norazlina.zakaria@uum.edu.my

Mazlina Abdul Hamid
Unit Penerangan dan Pendidikan Pejabat LPPKN Negeri Pahang
Email: mazlina@lppkn.gov.my

Rajilah Amirrudin
Penolong Pegawai Psikologi
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKMN) Kedah
Email: sitinur.jiamir@gmail.com.my

ABSTRAK

Keganasan rumah tangga merupakan isu sosial yang semakin mendapat perhatian di Malaysia terutamanya dalam konteks kaunseling keluarga. Masalah ini memberi impak yang besar terhadap kesejahteraan wanita dan kanak-kanak, mempengaruhi aspek fizikal, psikologi, dan sosial mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang pada keganasan rumah tangga serta pendekatan intervensi yang sesuai khususnya pendekatan Islam. Data diperolehi melalui temubual separa struktur dengan seorang Pegawai Penerangan Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) dan seorang Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) serta kajian kepustakaan yang merangkumi dalil Al-Quran, langkah-langkah pencegahan serta peranan kerluarga Madani. Hasil kajian menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dalam penyelidikan berkaitan isu keganasan rumah tangga terutama daripada aspek pendekatan gabungan (mix-method) yang lebih holistik. Kajian ini juga menggariskan kepentingan memperkenalkan pendekatan yang lebih bersepadu dan intervensi yang lebih menyeluruh untuk menangani isu ini terutamanya dalam konteks keadilan sosial dan pemeliharaan nilai-nilai keluarga menurut ajaran Islam. Kesimpulannya, kajian ini menyarankan agar lebih banyak kajian lanjut dijalankan bagi memenuhi keperluan transformasi institusi kekeluargaan di Malaysia selaras dengan matlamat membentuk keluarga Madani yang sejahtera.

Kata kunci: Keganasan rumah tangga, Kaunseling keluarga, Intervensi, Pendekatan Islam, Keluarga Madani

ABSTRACT

Domestic violence is a social issue that is getting more and more attention in Malaysia, especially in the context of family counseling. This problem has a great impact on the well-being of women and children, affecting their physical, psychological, and social aspects. This study aims to examine the factors that contribute to domestic violence as well as the appropriate intervention approach, especially the Islamic approach. Data was obtained through semi-structured interviews with an Information Officer of the Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) and an Assistant Officer of the Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) as well as a bibliographic study that includes evidence from the Qur'an, preventive measures and the role of civil families. The results of the study show that there is still a lack of research related to the issue of domestic violence, especially from the aspect of a more holistic mix-method approach. This study also underlines the importance of introducing a more integrated approach and a more comprehensive intervention to deal with this issue especially in the context of social justice and the preservation of family values according to Islamic teachings. In conclusion, this study suggests that more further studies be conducted to meet the needs of the transformation of family institutions in Malaysia in line with the goal of forming a prosperous Madani family.

Keywords: Domestic Violence, Family Counseling, Intervention, Islamic Approach, Civil Family

PENGENALAN

Kesejahteraan orang ramai, keluarga dan komuniti mula terjejas dengan ketara apabila masalah sosial seperti keganasan rumah tangga masih berterusan. Masalah ini terdiri daripada pelbagai jenis keganasan seperti penderaan seksual, emosi dan fizikal yang akhirnya memberikan kesan negatif kepada wanita dan kanak-kanak (<http://www.myhealth.gov.my>). Misikupun pelaksanaan

pelbagai peraturan dan program untuk menangani isu ini tetapi keganasan rumah tangga kekal sebagai salah satu penghalang penting untuk merealisasikan wawasan nasional Madani Malaysia yang berfokus pada prinsip keadilan, kemanusiaan dan kesejahteraan.

Justeru, sebagai usaha untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat umum tentang keganasan rumah tangga maka satu sesi temubual separa struktur bersama Pegawai Penerangan Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) dan Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dilakukan untuk menjelaskan beberapa persoalan mengenai kajian ini serta adanya kajian keperpustakaan yang merangkumi beberapa perkara iaitu definisi, dalil / Nas Al-Quran, faktor-faktor, elemen perundangan, intervensi, pendekatan Islam serta langkah-langkah mengatasi isu keganasan rumah tangga sebagai usaha merealisasikan konsep keluarga madani.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Keganasan rumah tangga merupakan satu isu sosial yang serius dan semakin mendapat perhatian di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Keganasan dalam rumah tangga bukan sahaja melibatkan penderaan fizikal tetapi boleh juga berbentuk penderaan psikologi, seksual dan emosi yang memberikan impak mendalam kepada mangsa terutamanya wanita dan kanak-kanak. Hakikatnya, dalam konteks Malaysia perkahwinan ialah sebuah institusi yang dihormati dan diiktiraf dalam undang-undang negara dan Islam menekankan perkahwinan sebagai akad yang menghalalkan hubungan lelaki dan perempuan untuk mencapai matlamat kemakmuran jangka panjang. Walau bagaimanapun, keganasan rumah tangga telah merosakkan asas institusi keluarga yang seharusnya menjadi tempat yang selamat dan harmoni. Buktinya, menurut World Health Organization (WHO), kira-kira 1 dalam 3 wanita global mengalami keganasan fizikal atau seksual oleh pasangan intim atau bukan pasangan sepanjang hayat mereka.

Hal ini, terbukti, apabila data yang diperolehi daripada pelbagai sumber menunjukkan peningkatan kes keganasan rumah tangga di Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini contohnya, laporan oleh Zulkifli Manzor (2024) menunjukkan bahawa sebanyak 2,794 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan kepada pihak berkuasa antara tahun 2021 hingga 2023. Menurut Luqman Arif (2021) kes keganasan rumah tangga semasa COVID- musim pandemik ialah kes tertinggi pernah direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia. Sementara itu, statistik daripada Talian Kasih 15999 juga mencatatkan sejumlah 3,028 panggilan mengenai keganasan rumah tangga pada tahun 2021 dengan 974 panggilan diterima sebagai aduan rasmi (Mohd Nasaruddin Parzi, 2022). Justeru, hal ini menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga bukan sahaja menjadi ancaman pada kesejahteraan individu dan keluarga tetapi juga menggugat kestabilan sosial negara.

Jika dikaji secara terperinci didapati bahawa Selangor ialah negeri yang mencatatkan jumlah kes keganasan rumah tangga tertinggi di Malaysia maka memperlihatkan keperluan mendesak untuk menangani masalah ini secara lebih berkesan. Selain itu, menurut Ruwaida Md Zain (2023) pada tahun 2023 sahaja sebanyak 813 kes keganasan rumah tangga dilaporkan di Selangor yang secara tidak langsung memberikan kesedaran umum agar perlunya satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan sistematik dalam menangani isu ini.

Hal ini, kerana selain impaknya terhadap individu terbukti bahawa keganasan rumah tangga turut mencabar aspirasi negara untuk membentuk sebuah *Malaysia Madani* iaitu sebuah konsep negara sejahtera yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui keadilan sosial, keamanan dan keseimbangan hidup. Justeru, dalam usaha untuk mencapai visi tersebut amat penting untuk semua pihak memahami dengan lebih mendalam punca, kesan dan penyelesaian terhadap keganasan rumah tangga melalui kajian literatur yang berterusan. Kajian literatur ini bertujuan untuk menilai latar belakang keganasan rumah tangga, langkah penyelesaiannya dan cara pendekatan tersebut dapat disesuaikan dengan nilai-nilai *Malaysia Madani* yang menekankan kesaksamaan, kemakmuran, dan kesejahteraan sejagat.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan terhadap penambahbaikan dasar dan intervensi bagi memerangi keganasan rumah tangga di Malaysia yang mengambil kira aspek keadilan, pendidikan, dan sokongan psikososial kepada mangsa. Kesedaran dan perubahan sikap masyarakat terhadap isu ini amat penting untuk memastikan bahawa keganasan rumah tangga dapat dikurangkan sekali gus memberikan impak positif terhadap pembentukan keluarga yang harmoni dan masyarakat yang lebih sejahtera.

Justeru, tujuan kajian adalah untuk:

1. Mengetahui pasti dalil / nas Al-Quran berkaitan keganasan rumah tangga
2. Mengetahui pasti intervensi dan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi isu keganasan rumah tangga daripada pendekatan Islam
3. Memahami peranan kesejahteraan keluarga dalam membangunkan Malaysia Madani?

KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia dan juga negara lain keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang ketara. Menurut kajian oleh Azman et al. (2022) kes keganasan rumah tangga telah meningkat di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini apabila dikatakan bahawa kebimbangan mengenai kejadian keganasan rumah tangga timbul pada tahun 2020 semasa Pergerakan Perintah Kawalan (PKP) yang disebabkan oleh penularan COVID-19 kerana peningkatan yang telah dilaporkan secara praktikal seluruh dunia contohnya di Hubei, China, jumlahnya meningkat tiga kali ganda, manakala di Perancis ia meningkat sebanyak 32 hingga 36 peratus sejak pelaksanaan pergerakan perintah kawalan (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Perbezaan kuasa dalam perhubungan, kesan dadah dan alkohol, dan norma budaya yang sering menormalkan tindakan keganasan dalam keluarga adalah punca utama keganasan rumah tangga di negara ini yang dapat dikategorikan sebagai faktor persekitaran dan individu (Firdaus, 2020) dan akhirnya menyebabkan pelbagai jenis kecederaan. Menurut Norasikin (2002) terdapat tiga jenis keganasan rumah tangga yang dominan iaitu penderaan fizikal, psikologi dan seksual dengan kecederaan fizikal ialah jenis keganasan rumah tangga yang paling tinggi dilaporkan. Hakikatnya, keganasan rumah tangga tiada batas usia kerana ianya boleh berlaku kepada ahli keluarga, pasangan, anak-anak, dan orang tua Ahmad, Zuraimy (2023) namun, dikatakan bahawa kepekaan mahasiswa berada pada tahap sederhana manakala tahap pengetahuan tentang peruntukan polisi, hak dan khidmat

bantuan pula berada pada tahap rendah (Noor Azizah Ahmad, 2022). Selain itu, perundangan dan sokongan sosial di Malaysia telah banyak ditingkatkan, namun masalah ini masih terus berlanjutan dengan banyak mangsa yang tidak melaporkan kejadian atau mencari bantuan akibat tekanan sosial dan stigma buktinya apabila dikatakan bahawa wujudnya ketidakseimbangan kuasa berpunca daripada patriarki apabila sistem sosial yang mengatur hubungan kuasa dengan lelaki menguasai struktur masyarakat dan perhubungan individu, membentuk norma serta memberikan kelebihan kepada lelaki juga mendiskriminasi wanita. (Women's Aid Organisation, 2021). Jelaslah bahawa hal tersebut berlaku apabila kurangnya pendedahan masyarakat terhadap hak yang boleh diperjuangkan jika seseorang itu mengalami keganasan rumah tangga (Nuruaslizawati Ayob, 2021)

Seterusnya, pada peringkat antarabangsa, kajian oleh Lanchimba, C., (2023) menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga bukan hanya berkait rapat dengan faktor individu, tetapi juga dengan faktor isi rumah seperti mood, kemurungan, kesedaran kesihatan, penglibatan media sosial, kerja rumah, kepadatan, dan gabungan agama dengan kemurungan dan kepadatan berkorelasi positif dengan keganasan dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk konflik. Di negara-negara Barat, program-program intervensi dan sokongan mangsa semakin diterima sebagai pendekatan yang berkesan dalam mengurangkan kes keganasan rumah tangga. Buktinya menurut Marianne Hester (2025) intervensi Drive yang melibatkan pendekatan kuasi-eksperimen di United Kingdom berjaya mengurangkan tingkah laku kesat pelaku dan meningkatkan keselamatan mangsa keganasan rumah tangga dengan hasil yang signifikan sepanjang setahun selepas campur tangan pihak berkuasa. Malah, di Eropah, misalnya, terdapat peningkatan kesedaran tentang pentingnya pendidikan awam serta perkhidmatan sokongan bagi mangsa keganasan rumah tangga yang turut memberikan penekanan pada perlunya reformasi undang-undang untuk melindungi mangsa seperti dapatan Melnyk, M. B (2023) yang melaporkan bahawa penyingkiran pesalah dari kediaman mangsa dan penggunaan gelang Global Positioning System (GPS) untuk memantau pesalah ialah langkah berkesan yang diterima secara meluas oleh sistem perundangan. Justeru, dalam konteks ini, Malaysia boleh mempelajari pendekatan-pendekatan tersebut untuk memperkukuhkan lagi usaha menangani keganasan rumah tangga dan membangun negara yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran sosial ini, sejajar dengan visi Malaysia Madani yang menekankan kesejahteraan rakyat.

METODOLOGI KAJIAN

Populasi kajian ini terdiri daripada individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan isu keganasan rumah tangga di Malaysia, iaitu pegawai dari Klinik Nur Sejahtera LPPKN dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan dua individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang ini dipilih untuk temubual. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan bidang kepakaran dalam memberikan sokongan dan intervensi kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Justeru, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang mengesyorkan bahawa pelbagai teknik dan kaedah boleh dilakukan untuk mengumpulkan data seperti temu bual, penyelidikan menggunakan dokumen arkib, pemerhatian di tapak atau penyertaan dalam mesyuarat yang berkaitan. Yeasmin dan Rahman (2012) mendefinisikannya sebagai kaedah "triangulasi" iaitu satu strategi pengumpulan data yang menggabungkan pelbagai pendekatan. Triangulasi ialah proses menggabungkan dua atau lebih teori, sumber, data, metodologi, atau penyelidik dalam kajian fenomena untuk menentukan kesahihan penemuan yang boleh digunakan untuk kedua-dua kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif (Yeasmin & Rahman, 2012). Justeru, temu bual separa berstruktur dengan kakitangan JKMM dan LPPKN menjadi kaedah utama mengumpul data untuk kajian ini meliputi aspek isu keganasan rumah tangga, intervensi dan tindakan berperspektif Islam yang boleh membantu dalam penyelesaiannya. Selain daripada menjalankan temu bual, kajian ini juga mengumpul data sekunder melalui kajian perpustakaan berkaitan definisi, hujah Al-Quran, aspek perundangan dan kaedah pencegahan yang berkaitan dengan penderaan rumah tangga.

Seterusnya, data yang dikumpul daripada temubual dan kajian keperustakaan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Proses ini melibatkan pengkodan data untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga, faktor penyebab, serta intervensi yang berkesan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih banyak kajian lanjutan diperlukan untuk memperkaya pemahaman tentang isu keganasan rumah tangga, serta memberikan panduan untuk membangun keluarga Madani di Malaysia. Selain itu, kajian ini menekankan pentingnya pendekatan mix-method dalam kajian masa depan untuk mendapatkan hasil yang lebih holistik.

PERBINCANGAN

1. Apakah dalil / nas Al-Quran berkaitan keganasan rumahtangga?

Keganasan rumah tangga didefinisikan sebagai tindakan menimbulkan ketakutan dengan mengawal atau mempertahankan kuasa seseorang ke atas pasangan atau keluarga, sama ada daripada segi fizikal, emosi, psikologi, seksual, sosial atau ekonomi. Tindakan tersebut digunakan untuk memaksa pasangan atau ahli keluarga melakukan sesuatu di luar batas (Rahman et al. 2017 dalam Nurul Qolbi Mohd Ngali, 2020). Menurut Akta Rumah Tangga Keganasan (AKRT) 1994, tekanan mental atau psikologi pasangan juga dipanggil penderaan. Akibat daripada emosi yang ganas, seseorang mungkin mendapati ia tidak berguna, kehilangan anugerah dan mengalami emosi buruk di bawah tekanan sehingga mempunyai kesan psikologi (Slabbert & Green, 2014 dalam Nadiah Mohd Daud 2020) Selain itu, keganasan rumah tangga juga melibatkan keganasan fizikal merangkumi tindakan seperti menendang, memukul, mencekik, membaling, menakut-nakutkan dan menggunakan senjata. Jelaslah definisi keganasan rumah tangga sangat luas apabila unsur keganasan rumah tangga ini tidak terhad kepada keganasan fizikal malah, ia juga boleh bersifat lisan, penganiayaan psikologi dan emosi.

Keganasan rumah tangga ialah tindakan keganasan terhadap orang lain seperti suami isteri, anak-anak, orang tua, orang dewasa yang kurang upaya atau ahli keluarga yang lain. Hakikatnya, keganasan tidak boleh wujud di rumah mahupun dalam keluarga. Malah, Islam sendiri telah ditetapkan bahawa suami berperanan sebagai ketua keluarga, maka suami bertanggungjawab untuk melindungi isteri dan keluarganya. Hal ini, jelas dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat ke-34 iaitu "*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan*". Selain itu, sebagai ketua keluarga, suami mestilah menjadi contoh dan teladan yang baik kepada keluarga. Rasulullah SAW berpesan seperti dalam Riwayat

Bukhari (2409) bermaksud “*Seorang lelaki dalam keluarga adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya (ahli keluarganya)*”. Berdasarkan kedua-dua pernyataan tersebut terbukti bahawa suami ialah ketua keluarga dan bertanggungjawab untuk melindungi keluarganya. Jelas Islam telah bertindak adil untuk menjaga keutuhan sistem kekeluargaan dengan mewajibkan suami dihukum sekiranya gagal menunaikan kewajipan sebagai ketua keluarga. Walau bagaimanapun, isteri juga tidak terlepas daripada melakukan perbuatan haram iaitu Nusyuz yang termasuk salah satu kesalahan besar maka orang yang melakukan perkara tersebut akan dihukum.

Seterusnya, terdapat beberapa kemungkinan keganasan rumah tangga berlaku termasuk faktor dalam individu, faktor persekitaran dan faktor luaran yang lebih besar. Hakikatnya, kesemua faktor ini mempengaruhi antara satu sama lain bagi pasangan suami isteri, kanak-kanak dan orang dewasa. Berdasarkan kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (1998) didapati bahawa faktor penderaan suami isteri akibat pengaruh alkohol atau pekara yang menghilangkan kewarasan akal, perbezaan jantina, struktur sosial antara lelaki dan wanita daripada segi perbezaan kekuatan dan saiz badan. Selain itu, kesan alkohol atau dadah akan menghapuskan pertimbangan seseorang lalu menjadikan tingkah lakunya tidak stabil dan cenderung bertindak di luar watak sebenar seperti mengugut dan memukul seseorang tanpa sedar. Selain itu, dinyatakan bahawa wanita sering distigma sebagai mangsa keganasan kerana sejarah mereka didera semasa kanak-kanak atau sememangnya keluarga mereka menonjolkan sistem patriarki iaitu lelaki mendominasi wanita. Tabiat menjadi mangsa keganasan rumah tangga adalah disebabkan tahap kekuatan seseorang yang lemah dan saiz yang kecil menyebabkan seseorang itu tidak berdaya untuk melawan. Hal ini, dipersetujui oleh Abd Malek Shah, Jeniwaty dan Suzzana Othman (2017: 65 dalam Nadiyah Mohd Daud 2020) yang menyatakan bahawa berlakunya keganasan isteri terhadap suami adalah disebabkan ketegasan tubuh isteri. Contohnya, terdapat satu kejadian di Sarawak apabila seorang wanita memukul suaminya kerana menjalinkan hubungan sulit dengan kekasih (World Health Organization, 1998: 13 dalam Nadiyah Mohd Daud 2020).

Selain faktor keganasan terhadap suami isteri dikenal pasti terdapat juga faktor keganasan terhadap kanak-kanak. Menurut Alavi K. et al. (2012) ketidakupayaan anak-anak untuk menolak permintaan bapa yang memaksanya menggunakan kuasa dan haknya sebagai bapa untuk memenuhi keinginannya telah menyebabkan penderaan seksual terjadi. Selain itu, kepercayaan ibu bapa tentang jenis penjagaan dalam bentuk hukuman fizikal dipercayai dapat membentuk disiplin sehingga membawa pada tingkah laku ibu bapa yang melampau juga menjadi faktor keganasan kanak-kanak terjadi. Menurut Erniwati dan Wahida (2020), keganasan lisan terhadap anak oleh ibu bapa sehingga menjejaskan jiwa kanak-kanak adalah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Hal ini, kerana kurangnya pengetahuan keibubapaan dan pengalaman keibubapaan sendiri sehingga ibu bapa mempengaruhi anak-anak mereka dengan cara yang sama.

Tanpa sedar keganasan rumah tangga juga melibatkan warga tua. Menurut Noraini Che Sarif et al. (2015) faktor penderaan warga emas berlaku dalam konteks pengabaian apabila anak-anak yang mementingkan kerjaya, jurang komunikasi antara kedua-dua pihak sehingga pengabaian berlaku. Selain isu kewangan dan isu kesihatan warga emas turut menjadi faktor berlakunya keganasan terhadap warga tua. Jika diperhatikan kebanyakan faktor keganasan rumah tangga yang melibatkan suami isteri, kanak-kanak dan warga tua hampir sama. Justeru, boleh dirumuskan bahawa hanya terdapat 2 faktor keganasan rumah tangga iaitu faktor makro yang melibatkan isu sosialisasi dan kekurangan ilmu kekeluargaan manakala faktor mikro yang melibatkan struktur sosial, salah laku dan budaya berkaitan hukum partraki (Rumaya Juhari, 2007)

Hakikatnya keganasan rumah tangga turut berlaku di negara lain yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait termasuk ketidaksamaan gender dan budaya patriarki yang memperkuat dominasi lelaki terhadap wanita, serta pengaruh sosial dan ekonomi seperti kemiskinan dan pengangguran yang menambah tekanan dalam keluarga. Contohnya, sistem yang menyokong penguasaan lelaki dalam keluarga dan masyarakat dan dirujuk sebagai patriarki juga ketidaksamaan jantina. Sistem ini sering mengakibatkan keganasan rumah tangga seperti yang berlaku di Afghanistan dan India apabila adat seperti perkahwinan kanak-kanak dan mas kahwin menjadikan diskriminasi jantina lebih teruk. Buktinya menurut Subramanee, S. D (2022) perkahwinan kanak-kanak berlaku di negara Asia Selatan akibat interaksi kuasa ekonomi dan sosial maka untuk menganganinya perlu ada usaha yang berfokus pada peningkatan pendidikan, pekerjaan, pendedahan maklumat kesihatan, serta kesaksamaan gender. Selain itu, di Amerika Syarikat pula menurut Lanchimba, C., (2023) mendapati bahawa mood positif, kesedaran kesihatan, dan pengurangan masa kerja rumah dapat mengurangkan keganasan rumah tangga, manakala kemurungan, kepadatan isi rumah, dan penglibatan media sosial berkorelasi dengan peningkatan keganasan tetapi pengaruh pegangan agama bergantung pada kedudukan isi rumah dan jantina. Manakala, di beberapa negara Timur Tengah pengaruh budaya dan norma masyarakat yang menormalkan atau menyembunyikan keganasan rumah tangga turut memperburuk masalah ini dengan menganggap kekerasan terhadap wanita sebagai cara untuk mengawal mereka dan mematuhi peranan tradisional buktinya kelaziman keganasan rumah tangga yang dilaporkan bervariasi antara 6% hingga 59% untuk keganasan fizikal, 3% hingga 40% untuk keganasan seksual, dan 5% hingga 91% untuk keganasan emosi/psikologi dengan perbezaan kaedah dan definisi operasi yang menyukarkan perbandingan mengikut kawasan (Elghossain, T., 2019). Seterusnya menurut Meyer, S., (2024) di Australia penggunaan alkohol dan dadah (AOD) menjadi masalah utama meningkatnya keganasan rumah tangga tetapi masalah ini menunjukkan pengurangan dengan hasil lebih baik bagi lelaki yang mengekalkan hubungan dengan mangsa. Faktor kurangnya akses pada perlindungan sosial dan undang-undang juga menyebabkan keganasan rumah tangga seperti di Mexico yang mangsanya sukar mendapatkan keadilan dan terperangkap dalam hubungan kekerasan akibat ketidakberkesanan sistem perundangan juga kekurangan sokongan contohnya Ana Güezmes, Wakil Wanita PBB di Mexico menyatakan bahawa 63 peratus wanita telah mengalami penderaan dengan 1,654,462 pesalah yang dibawa ke muka pengadilan tetapi hanya 7.7 peratus disabitkan dengan keganasan rumah tangga. Akhirnya, faktor terakhir ialah masalah psikologi seperti kemurungan, tekanan, dan gangguan kecemasan boleh mempengaruhi kelakuan dalam rumah tangga, mengakibatkan tingkah laku agresif, sementara trauma akibat keganasan rumah tangga boleh menyebabkan gangguan psikologi berpanjangan yang menghalang mangsa daripada meninggalkan hubungan berbahaya contohnya di eropah Immigration and Refugee Board of Canada pada 2017 menyokong tanggapan bahawa keganasan psikologi ialah pengalaman traumatik yang sangat berkait dengan gangguan tekanan selepas trauma dan masalah kesihatan mental biasa lain yang dikaitkan dengan trauma (Dokkedahl, S. B, 2022). Jelaslah keganasan rumah tangga merupakan isu kompleks di seluruh dunia yang dipengaruhi oleh faktor ketidaksamaan gender, tekanan sosial dan ekonomi, budaya, penyalahgunaan bahan terlarang serta masalah psikologi yang memerlukan penyelesaian holistik melibatkan perubahan sosial, ekonomi, budaya, dan sokongan undang-undang serta psikologi.

2. Bagaimanakah intervensi dan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi isu keganasan rumah tangga daripada pendekatan Islam?

Jika dikatakan bahawa keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang mempunyai impak psikososial yang negatif terhadap suami isteri atau anak-anak atau warga tua sama ada secara fizikal, psikologikal mahu pun sosial maka intervensi bagi isu keganasan rumahtangga perlu diberikan segera mengikut kesesuaian kes dan klien. Berikut beberapa intervensi bagi isu keganasan rumah tangga:

Jadual 1 : Intervensi bagi isu keganasan rumah tangga

Intervensi Krisis Rumahtangga	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> a. Fokus kepada situasi klien b. Berikan ruang untuk luahan perasaan c. Kenal pasti kekuatan mangsa d. Senaraikan jenis-jenis pertolongan e. Membuat rumusan masalah semasa f. Membuat rujukan yang sesuai
	Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> a. Membina kekuatan dan keyakinan diri, memberikan pengiktirafan atas pelaksanaan tindakan b. Memberikan tumpuan pada masalah dalam bentuk kelompok kecil c. Memberikan tugas penyelesaian yang boleh dicapai d. Sedar tentang kesungguhan penyelesaian masalah e. Mengelak pergantungan diri pada pemberi pertolongan f. Memberikan ruang untuk berfikir tentang tindakan dan keadaan semasa g. Menilai tindakan bersama dan pencapaiannya sangat baik
	Tahap 3	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengimbuai kembali pencapaian dalam proses pertolongan b. Membuat rumusan pencapaian masalah yang dicapai c. Memberi jaminan bersedia menerima dan berkekerjasama d. Membincangkan cadangan meneruskan tindakan dalam kehidupan e. Memberi ruang dan memberitahu perhubungan pertolongan ditamatkan f. Mengingatkan kekuatan dan kemampuan bertindak sendiri g. Aturkan perkhidmatan kaunseling sekiranya perlu h. Segera bantu mangsa sekiranya memerlukan perlindungan mahkamah dan Badan Pendamai
Intervensi kerja sosial melalui kerja kumpulan	Fasa 1	a. Peringkat pra-perancangan, termasuk memilih ahli daripada wanita yang terlibat dalam keganasan rumah tangga
	Fasa 2	b. Proses kedua memulakan kerja kumpulan. Antaranya termasuk mengenal pasti dan membentuk matlamat dan norma sosial yang dipatuhi oleh ahli.
	Fasa 3	c. Peringkat pertengahan, termasuk aktiviti yang dijalankan hasil daripada matlamat kerja kumpulan
	Fasa 4	d. Peringkat penamatan membolehkan pekerja sosial menilai kesan kerja berkumpulan ke atas wanita yang mengalami keganasan rumah tangga

Usaha memberikan intervensi krisis atau kerja sosial jelas menunjukkan impak positif dan dapat memperkasakan wanita dalam menangani masalah keganasan rumah tangga. Hal ini, kerana kumpulan sokongan yang dibentuk dapat berkerja dalam kumpulan dan dapat membantu ahli kumpulan yang menghadapi masalah psikososial berkaitan keganasan. Namun, proses kesinambungan atau kelestarian sistem sokongan perlu diutamakan kerana ianya akan menjadi cabaran pada usaha melaksanakan intervensi seterusnya peranan pekerja sosial juga perlu diambil berat khususnya berkaitan nilai diri dan ilmu memberi pertolongan agar usaha yang dijalankan bersama klien berjaya.

Selain itu, berdasarkan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah tangga (2023) telah dinyatakan senarai perkhidmatan utama yang disediakan bagi kes keganasan rumah tangga seperti bantuan rawatan kesihatan/ psikologi/ emosi di *One Stop Crisis Centre*, perintah perlindungan, perintah perlindungan interim, perintah perlindungan kecemasan, khidmat nasihat dan kaunseling dan tempat selamat/ tempat berlindung dalam Rajah 1. Jelaslah bahawa garis panduan tersebut telah disediakan berdasarkan maklumat sedia ada di bawah agensi terlibat dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia/ Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Bantuan Guaman, Yayasan Kebajikan Negara dan Lembaga Kaunselor Malaysia. Akhirnya, melalui penyediaan garis panduan tersebut sebagai dokumen rujukan kepada agensi terlibat adalah diharapkan agar pengendalian kes dan pengurusan mangsa keganasan rumah tangga dapat dilaksanakan secara bersistematis dan berkesan dengan kerjasama semua pihak terlibat demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial negara.



Rajah 1
Senarai perkhidmatan utama yang disediakan bagi kes keganasan rumah tangga

Hakikatnya, perkahwinan dalam Islam mempunyai tujuan yang suci dan kesucian ini menjadikannya sebagai sistem yang sempurna. Walaupun, isteri diperintahkan untuk mentaati suaminya, tetapi umum harus sedar akan situasi ketaatan agar tidak menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Oleh itu, antara pendekatan Islam yang sesuai bagi mengatasi keganasan rumah tangga ialah mengaplikasikan Maqasid Syariah dalam kehidupan yang mempunyai lima unsur *Daruriyyat* wajib dipelihara dalam perkahwinan iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta (Nurul Qolbi Mohd Ngalim. 2020). Jika keutamaan mengekalkan lima elemen ini dijaga maka diri dan keluarga mangsa dapat membantu pasangan dan masyarakat yang bermasalah mengatasi keganasan rumah tangga berdasarkan pertimbangan Islam malah dapat membantu dalam membuat keputusan juga tindakan yang sewajarnya seperti dalam jadual 2 yang merujuk penyelesaian keganasan rumah tangga berdasarkan Maqasid Syariah.

Jadual 2: Penyelesaian keganasan rumah tangga berdasarkan Maqasid Syariah

1	Memelihara agama dalam kes pengabaian agama	<ul style="list-style-type: none"> a. Perlindungan agama ialah <i>Daruriyyat</i> yang paling utama dan merupakan peringkat tertinggi dalam alkulliyyat alkhamseh. b. Apabila mereka merasa bertanggungjawab terhadap Tuhan mereka maka pastinya terhadap makhluk, sama ada mereka pasangan atau anak tetapi jika mereka gagal dengan memilih untuk murtad maka hukum bunuh ke atasnya jelaslah Islam melarang apa-apa yang boleh menjejaskan kesejahteraan umatnya. (Mahmood Zuhdi et al. 2012. Nurul Qolbi Mohd Ngalim.2020)
2	Memelihara nyawa dalam kes penggunaan barang terlarang	<ul style="list-style-type: none"> a. Jika Islam mengenakan <i>Qisas, Diat</i>, atau <i>Kafarah</i> sekiranya berlaku pembunuhan maka Islam perlu mengekalkan kehidupan keluarga dan menghalang satu pihak daripada melakukan serangan bidad terhadap diri sendiri, keluarga mereka, dan lain-lain. (Nurul Qolbi Mohd Ngalim 2020). b. Jelas bahawa Al-Quran juga menyebut tentang kewajipan untuk menjaga kehidupan dan tidak mendedahkannya pada bahan berbahaya seperti Firman Allah dalam ayat 32 Surah Al maida
3	Memelihara akal dalam kes penderaan terhadap keluarga	<ul style="list-style-type: none"> a. Memupuk minda kanak-kanak yang sedang membesar ini amat penting bukan sahaja untuk mendapat manfaat daripada kecerdasan, tetapi juga untuk melindunginya daripada kelemahan dan maksiat. b. Jika pasangan terdedah pada keganasan rumah tangga, penderaan mental atau fizikal yang berlaku dipercayai akan membantutkan perkembangan mental. Justeru, mangsa wajib mendapatkan perlindungan dan sokongan daripada pihak berkuasa agama, ahli keluarga dan kenalan. Seperti dalam Surah al-Baqarah ayat 195 yang mementingkan usaha melindungi fungsi intelek budak lelaki daripada bahaya.
4	Memelihara keturunan dalam kes keganasan seksual dan pasangan berfitrah songsang	<ul style="list-style-type: none"> a. Islam juga melarang keras segala bentuk aktiviti yang dianggap sebagai penderaan, penzinaan, sumbang mahram, pergaulan bebas dan sebagainya (Nizaita 2011, Nurul Qolbi Mohd Ngalim.2020). Justeru, Suami atau isteri berhak memohon cerai bagi menjaga maruah keturunannya daripada perbuatan terkutuk. Nabi bersabda: "<i>Allah melaknat semua orang yang melakukan perbuatan kaum Luth</i> (dia mengulangnya tiga kali)." b. Hakikatnya, sebanyak 92,768 perceraian dilaporkan antara 2012 dan 2014 kerana pasangan itu adalah lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Malah laporan yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS

		Malaysia menunjukkan bahawa jangkitan HIV secara majoritinya disumbangkan oleh golongan heteroseksual iaitu sebanyak 42 peratus. (Mohamad Ismail,2019)
5	Memelihara Harta dalam Kes Penyelewengan Harta dan Hak Nafkah	<p>a. Keganasan membolehkan pemangsa mengawal pasangan mereka dan menyukarkan mangsa untuk keluar daripada kitaran keganasan sama ada secara fizikal atau mental. Hakikatnya, keganasan juga wujud apabila suami tidak membayar nafkah kepada isteri.</p> <p>b. Oleh itu, bagi mengelakkan harta tersebut hilang atau rosak selepas harta tersebut wujud, pasangan suami isteri tidak mempunyai hak dan haram memperoleh harta isteri secara percuma (Awing Nib Zuhairiet. 2021) seperti dalam ayat 29 sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa</p>

Akhirnya, pasangan suami isteri, kanak-kanak atau orang tua wajar mengenali gagasan kekeluargaan dalam Islam khususnya faktor Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, maruah dan harta dalam menghadapi konflik keganasan rumah tangga agar kehidupan lebih sejahtera. Menurut Ahmad Bin Muhammad Husni (2022) Islam menekankan pemeliharaan maruah manusia dan mengharamkan segala bentuk keganasan terhadap ahli keluarga, serta mengarahkan umatnya untuk menjaga jiwa dan mengelakkan tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip tersebut. Justeru, penglibatan secara aktif pemerintah ialah satu keperluan yang utama untuk menggerakkan lima prinsip utama maqasid syariah kerana lima prinsip tersebut merupakan prinsip teras untuk membentuk kesejahteraan keluarga dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk terutamanya demi merealisasikan hasrat membentuk Malaysia Madani (Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad, 2021).

Hakikatnya tiada siapa pun yang mahu menjadi mangsa keganasan rumah tangga (KRT). Jika mangsa terlalu trauma fizikal dan mental dalam serangan keganasan rumah tangga maka mereka perlu segera bertindak mendapatkan bantuan. Buktinya pada awal April 2020 sebanyak 264 panggilan dan soalan diterima di *Whats.App* permohonan melalui sokongan KRT dan perkhidmatan TINA dalam talian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Najmi Syahiran Mamat. 2020). Justeru, berdasarkan statistik tersebut maka masyarakat umum perlu diberikan pendedahan bahawa mendapatkan bantuan daripada keganasan rumah tangga bukan tindakan yang melampaui batas dan salah. Berikut antara langkah mengatasi keganasan rumah tangga yang boleh dilakukan:

Jadual 3: Langkah-langkah mengatasi keganasan rumah tangga

Dapatkan bantuan segera	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan daripada Pusat Perkhidmatan Krisis Sehati (OSCC), sebuah hospital awam di bilik kecemasan atau trauma. Membuat panggilan kecemasan polis di hospital berkenaan dengan pakar perubatan OSCC merawat semua kecederaan dan mengumpul bukti yang boleh digunakan sebagai bukti penting di mahkamah.
Buat laporan polis	<ul style="list-style-type: none"> Laporkan penyalahgunaan untuk mendapatkan perlindungan sementara di balai polis untuk melaporkan dan memberikan huraian berikut mengenai penderaan
Dapatkan sokongan luar	<ul style="list-style-type: none"> Sokongan emosi dan psikososial juga boleh diperoleh di bawah kepimpinan kerajaan dan organisasi bukan kerajaan
Persediaan kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> Pilihan telah pun ditetapkan dan mangsa yang terselamat mesti bertindak bijak untuk menyelamatkan mereka. Antara perkara penting persediaan ialah sebelum, semasa dan selepas.
Sebelum :	<ul style="list-style-type: none"> Simpan bukti fizikal penderaan, termasuk gambar anggota yang cedera. Pastikan anda mempunyai kredit yang mencukupi dan simpan talian dengan nombor yang anda tahu. Sediakan beg kecemasan yang mengandungi dokumen penting.
Semasa :	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan anda sentiasa membawa dokumen penting seperti kad pengenalan, lesen memandu, sijil kelahiran, kad kredit, buku akaun bank Selain ubat-ubatan bawa dokumen yang sah seperti lesen perkahwinan, rekod perceraian dan ibu bapa angkat, rekod ubat-ubatan, insurans dan perlindungan insurans kesihatan.
Selepas meninggalkan lokasi	<ul style="list-style-type: none"> Tukar kata kunci _ telefon dan nombor telefon . Jika anda bekerja, tukar waktu kerja anda dan ubah cara anda bekerja di tempat kerja. Beritahu jiran anda apa yang berlaku

Masalah keganasan rumah tangga telah berlanjutan sejak tahun 1960-an. Namun, banyak kejadian jarang dilaporkan kerana isu keluarga dianggap sebagai isu peribadi dan perlu diselesaikan dalam konteks keluarga. Hakikatnya, semua lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk menangani keganasan rumah tangga. Walaupun pelaksanaan undang-undang dan perkhidmatan sokongan terjejas tetapi apabila semua pihak prihatin maka pihak berkuasa boleh mengendalikan kes dengan lebih cekap dan berkesan.

Hasil temu bual bersama pegawai LPKKN, beliau mencadangkan agar masyarakat juga digalakkan menggunakan talian bebas tol yang disediakan Jabatan Kemajuan Masyarakat Keluarga Wanita bagi membincangkan aduan berkaitan isu kekeluargaan. Hakikatnya, pada 2020 sebanyak 15999 panggilan diterima dengan kakitangan beroperasi selama 24 jam. Selain itu, komuniti juga boleh menggunakan perkhidmatan kaunseling yang disediakan di nombor bebas tol 1-800-820300 yang dibuka setiap Ahad hingga Jumaat daripada pukul 9 pagi hingga 5 petang. Sekiranya masyarakat ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan isu kekeluargaan maka boleh melayari laman web LPKKN.

3. Bagaimanakah kesejahteraan keluarga membina Malaysia Madani?

Menyedari hakikat pentingnya kesejahteraan keluarga dalam memacu pembangunan negara maka Perdana Menteri Malaysia ke-10 telah menubuhkan Konsep Malaysia Madani untuk membangunkan tanah air yang lebih mampan dan makmur. Hakikatnya, kemampunan dan kemakmuran diasaskan pada nilai kreativiti, hormat-menghormati, amanah, dan kebaikan setiap lapisan masyarakat dengan keluarga sebagai induknya. Keluarga ialah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang dengan meletakkan keterangkuman dan kesaksamaan sebagai asas tiang serinya agar lebih kukuh utuh.

Justeru, ketika inilah kesejahteraan setiap unit keluarga memainkan peranannya walaupun, sesetengah orang mungkin tidak dapat melihat bahawa setiap unit keluarga ibarat batu bata yang disusun dengan batu bata lain untuk membentuk struktur yang besar, kuat dan indah. Hakikatnya, begitulah analogi yang paling hampir untuk menerangkan nilai unit keluarga seperti maksud sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, yang mengatakan bahawa "*Seorang mukmin terhadap seorang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan yang bahagian-bahagiannya menguatkan antara satu sama lain.*" Jelaslah tiada siapa mampu menidakan peranan dan sumbangan setiap anggota masyarakat dalam membentuk kesejahteraan sebuah negara. Hal ini, selari dalam agama Islam yang telah mengajar umatnya tentang semangat kekeluargaan apabila baginda Rasulullah S.A.W bersabda dengan maksudnya, "*Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap ahli keluarga dan aku adalah yang paling baik dalam kalangan kamu terhadap ahli keluarga ku.*" (Hadis Riwayat Ibnu Majah) dan Baginda S.A.W juga telah berpesan dengan sabda "*Apabila salah seorang antara kamu menyayangi saudaranya, maka beritahulah dia mengenainya.*" Selain itu, kesejahteraan keluarga membina Malaysia Madani akan tercapai apabila sebuah keluarga menerapkan pendidikan, bimbingan serta pembangunan keperibadian yang luar biasa dalam diri setiap ahli keluarga. Hakikatnya, nilai-nilai murni yang perlu ada dalam pembinaan Malaysia Madani dapat diterapkan dalam diri anak-anak bermula dari rumah kerana rumah ialah sekolah pertama kepada generasi muda dengan ibu bapa merupakan guru pertama kepada anak-anak mereka sendiri demi pembentukan peribadi yang berkualiti. Buktinya, pendidikan bersepadu yang diterapkan oleh Luqman kepada anaknya yang melibatkan akidah, ibadah, akhlak, dan dakwah dengan menggunakan pelbagai teknik amat berkesan dan wajar dijadikan panduan dalam membentuk individu yang seimbang, bersepadu, dan bertanggungjawab bagi merealisasikan masyarakat (Madani. Suliah Mohd Aris, 2023) Jika kepentingan pendidikan kepada seseorang insan bermula dari rumah maka begitu jugalah pentingnya kesejahteraan yang perlu ada pada setiap unit keluarga kerana negara bertamadun sebenarnya bermula di rumah atau dalam keluarga yang kaya asas imannya bukan miskin iman akibat keganasan tanpa batasan.

Hakikatnya, semua pihak sedar bahawa Malaysia Madani bertujuan membangunkan masyarakat yang inklusif, berkemajuan, dan sejahtera dengan menekankan kemanusiaan, etika, dan keadilan. Justeru, dalam konteks pembasmian keganasan rumah tangga, pendekatan ini boleh diterjemahkan melalui tiga aspek utama iaitu Pembangunan Insan yang melibatkan pendidikan hak asasi manusia serta pendekatan holistik dalam mendidik masyarakat tentang peranan dalam keluarga. Seterusnya, peningkatan keadilan sosial dengan memperkemas proses perundangan agar mangsa mendapat keadilan segera serta semua pihak wajar menyediakan sokongan psikologi serta peluang pemulihan termasuk penyelesaian melalui pendekatan Islam, yang menegakkan nilai-nilai Islam dalam memuliakan wanita juga menggalakkan program pendidikan rumah tangga berlandaskan ajaran Islam untuk mengurangkan keganasan.

KESIMPULAN

Kajian ini menawarkan beberapa sumbangan penting dalam menangani isu keganasan rumah tangga. Pertama, ia dapat meningkatkan kesedaran sosial dan pendidikan masyarakat mengenai kesan keganasan rumah tangga terhadap wanita dan kanak-kanak, serta memberikan panduan tentang cara-cara untuk menangani isu ini melalui kempen kesedaran pada peringkat komuniti. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan sumbangan besar dalam meningkatkan perkhidmatan kaunseling keluarga di Malaysia dengan menekankan kepentingan intervensi kaunseling yang boleh membantu kaunselor dan profesional dalam bidang kebajikan untuk menangani isu ini dengan lebih baik, terutamanya dalam konteks perundangan dan pendekatan Islam.

Selain itu, kajian ini berpotensi memberikan impak dalam pembangunan polisi dan intervensi bersepadu bagi pencegahan dan penangan keganasan rumah tangga. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan kepada pembuat dasar dalam memperkenalkan atau menambah baik polisi kerajaan yang melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa, NGO, dan masyarakat. Kajian ini juga boleh memartabatkan pendekatan Islam dalam menangani keganasan rumah tangga, dengan merujuk pada dalil Al-Quran dan nas untuk mencadangkan langkah-langkah pencegahan yang lebih holistik. Akhirnya, kajian ini boleh menjadi sumber rujukan bagi penyelidikan lanjutan, khususnya dalam mengkaji elemen perundangan, sosial, dan psikologi yang menyumbang pada keganasan rumah tangga serta merancang program sokongan yang lebih berkesan untuk mangsa.

Walau bagaimanapun, amat penting dijalankan kajian kes keganasan rumah tangga yang menggunakan gabungan kaedah penyelidikan (kualitatif dan kuantitatif) supaya soalan tinjauan lebih menyeluruh dan percanggahan dalam keputusan kedua-dua kaedah tinjauan dapat difahami agar data yang diperolehi lebih berkualiti dan mengayak lagi dunia penyelidikan kaunseling keluarga dan secara tidak langsung membantu merealisasikan usaha pemerintah membentuk Malaysia Madani.

RUJUKAN

- A Study on Malaysian Public Attitudes and Perceptions towards Violence Against Women (VAW). 2021. Women's Aid Organisation. Bahan diakses pada 25 Januari 2025 https://wao.org.my/wp-content/uploads/2021/11/PRINT-WAO_VAW-Public-Attitudes-and-Perceptions-Report-2021_19-NOV_FINAL.pdf
- Ahmad Bin Muhammad Husni, Amin Bin Muhammad Husni, Muhammad Yosef Niteh. (2022) Masalah Keganasan Rumah Tangga Dan Penyelesaiannya Dalam Pandangan Maqasid Syariah. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, Vol. 26, Issue 1 (April) ISSN 2289-1560
- Ahmad, Zuraimy. (2023). Domestic Violence In Malaysia: A Study On Causes And The Role Of The Social Welfare Department. *Russian Law Journal*. 11. 10.52783/rlj.v11i3.1395.
- Analisis Keganasan Rumah tangga di Malaysia Tahun 2020 Bahagian Pembangunan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia. Bahan diakses pada 25 Januari 2025 daripada https://hq.moh.gov.my/bpkk/images/3.Penerbitan/2.Orang_Awam/5.Kesihatan_Dewasa/2.PDF/1Analisis_Keganasan_Rumahtangga_Di_Malaysia_Tahun_2020.pdf
- Awang Ahmad, A. N. Z. ., Bin Towpek , H. ., & Bin Abdul Kadir , A. R. . (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 163-185. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.36>
- Dokkedahl, S. B., Kirubakaran, R., Bech-Hansen, D., et al. (2022). The psychological subtype of intimate partner violence and its effect on mental health: A systematic review with meta-analyses. *Systematic Reviews*, 11(1), 163. <https://doi.org/10.1186/s13643-022-02025-z>
- Elghossain, T., Bott, S., Akik, C., et al. (2019). Prevalence of intimate partner violence against women in the Arab world: A systematic review. *BMC International Health and Human Rights*, 19, 29. <https://doi.org/10.1186/s12914-019-0215-5>
- Firdaus, A. G. (2020, April 3). Mengapa kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP? Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528>
- Hester, M., Ortega-Avila, A. G., Eisenstadt, N., & Walker, S.-J. (2025). Evaluation of the Drive Intervention for High-Harm Domestic Abuse Perpetrators in England and Wales Using a Quasi-Experimental Approach. *Social Sciences*, 14(2), 55. <https://doi.org/10.3390/socsci14020055>
- Ismail, Mohamad & Fakulti, Ismail & Antarabangsa, Hubungan & Nasri, Mohd & Fakulti, Nasri. (2019). Gejala Lgbt Di Malaysia: Isu Dan Cadangan Penyelesaian. *Journal of Law & Governance* Volume 2 (No. 1) 2019: 51-65
- Immigration and Refugee Board of Canada. (2017, August 11). Mexico: Domestic violence, including legislation; protection and support services offered to victims by the state and civil society, including Mexico City (2015–July 2017). Refworld. <https://www.refworld.org/docid/59c116e24.html>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2023) Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga Tahun 2023 Edisi Kedua. Bahan diakses pada 25 Januari 2025 <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/BUKU%20GARIS%20PANDUAN%20PENGENDALIAN>
- Lanchimba, C., Díaz-Sánchez, J. P., & Velasco, F. (2023). Exploring factors influencing domestic violence: a comprehensive study on intrafamily dynamics. *Frontiers in psychiatry*, 14, 1243558. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2023.1243558>
- Luqman Arif, A.K. (2021, September 23). Parlimen: 9,015 Kes Keganasan Rumah Tangga _____sepanjangPKP.BHOnline. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867652/parlimen-9015-kes-keganasan-rumah-tangga-sepanjang-pkp>
- Malhotra, N. & Hinnings, C. R. (2015). Unpacking Continuity and Change as a Process of Organizational Transformation. *Long Range Planning*, 48, 1-22
- Masarah Mohamad Yusof, Azlinda Azman, Farhana Kamarul Bahrin & Mahathir Yahaya. (2020). *Hubungan Konflik Kewangan Terhadap Kesejahteraan Sosial Mangsa Wanita Dalam Isu Keganasan Rumah Tangga*. Di muat turun daripada <https://jurnal.umj.ac.id>
- Meiti Subardhini. (2013). *Intervensi Kerja Kumpulan Dalam Kalangan Wanita Yang Mengalami Keganasan Rumah Tangga Di Indonesia* dimuat turun daripada <http://eprints.usm.my/45124/1/Meiti%20Subardhini24.pdf>
- Melnyk, M. B., Stasiuk, N., Medvedska, V. V., Rufanova, V. M., & Pletenets, V. M. (2023). European experience of prevention and combating domestic violence. *Estudios Constitucionales*, 21(2), 195–212. <http://dx.doi.org/10.4067/S0718-52002023000200195>
- Meyer, S., Helps, N., McGowan, J., & Williamson, H. (2024). Domestic Violence and Alcohol and Other Drug Use: Australian Pilot Intervention Findings. *Research on Social Work Practice*, 34(7), 781-792. <https://doi.org/10.1177/10497315231201366>
- Mohd Nasaruddin (2022). Kes Keganasan Rumahtangga naik 42 peratus dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/932235/kes-keganasan-rumah-tangga-naik-42-peratus-tahun-lalu>
- Muhammad Abdul Hadi Ismut. (2021). Bayan Linnas Siri Ke-238: *Keganasan Rumah Tangga Dalam Tempoh PKP*. Di muat turun daripada <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/4906-bayan-linnas-siri-ke-238-keganasan-rumah-tangga-dalam-tempoh-pkp>
- Nadiah Mohamed Daud.(2020). *Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur* Dimuat turun daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS LR/issue/view/1970>
- Najmi Syahiran Mamat. (2020). *Perlukan pertolongan? Ini langkah-langkah hadapi keganasan rumah tangga* dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlukan-pertolongan-ini-langkah-langkah-hadapi-keganasan-rumah-tangga-238859>
- Nurul Qolbi Mohd Ngalm, Norhazirah Mustaffa., Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). *Penyelesaian Keganasan Rumahtangga Dari Perspektif Maqasid Syariah*. Di muat turun daripada https://www.academia.edu/61447241/Penyelesaian_Keganasan_Rumahtangga_Dari_Perspektif_Maqasid_Syariah

- Nuruaslizawati Ayob, Siti Hajar Abdul Rauf & Nurwahidatul Aula Ahmad Sazali. 2021. Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Keganasan Rumah Tangga Di Ipoh, Perak. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 18. No.3 (2021). 208-220. ISSN: 1823-884x
- Norasikin M. (2002). "Keganasan Rumahtangga Terhadap Wanita: Prevalen dan Faktor -Faktor yang Mempengaruhinya dalam Kalangan Wanita di Jabatan Pesakit Luar dalam Malaysia," *Journal of Public Health Medicine*, vol. 2, 59-60.
- Noor Azizah Ahmad & Nabisah Ibrahim. 2022. Keganasan Rumahtangga: Kepekaan Dan Tahap Pengetahuan Mahasiswa. *Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol.8 No.1 2022 ISSN 2289-9391 / eISSN 2462-2443 (53-66)
- Rumaya Juhari, Siti Nor Yaacob.(2007). *Isu keluarga kontemporari* . KL: Contributors Publisher Inreach Ed.
- Ruwaida Md Zain.(13 September 2023). Kes keganasan rumah tangga: Selangor nombor satu. Bahan diakses pada 10 Oktober 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1152326/kes-keganasan-rumah-tangga-selangor-nombor-satu>
- Suliah Mohd Aris, Fathiah Fathil, Shamsiah Sapri.(2023). Pembentukan Masyarakat Madani Berpandukan Kaedah Pendidikan Bersepadu Surah Luqman Ayat 12-19 Bahan diakses pada 25 Januari 2025 daripada <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/1467/1163>
- Subramanee, S. D., Agho, K., Lakshmi, J., Huda, M. N., Joshi, R., & Akombi-Inyang, B. (2022). Child Marriage in South Asia: A Systematic Review. *International journal of environmental research and public health*, 19(22), 15138. <https://doi.org/10.3390/ijerph192215138>
- Violence against women. Bahan diakses pada 28 Januari 2025 daripada <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/violence-against-women>
- Yeasmin, S. & Rahman, K. F. (2012). Triangulation' Research Method as the Tool of Social Science Research. *BUP Journal*, 1(1), 154-163.
- Zulkifli Manzor (4 Julai 2023) . 2,794 kes keganasan rumah tangga dari tahun 2021 hingga 2023 Bahan diakses pada 25 Januari 2025 daripada <https://www.kosmo.com.my/2024/07/04/2794-kes-keganasan-rumah-tangga-dari-tahun-2021-hingga-2025>